KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## RABU, 16 OGOS 2023

## LAPORAN HARIAN

JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

MALAYSIA MADANI

www.kpwkm.gov.my kpwkm

16/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **MEKANISME PEMBAYARAN SURI RUMAH PERLU DIKENAL PASTI - NANCY** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/999687/mekanisme-pembayaran-suri-rumah-perlu-dikenal-pasti-nancy | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2216380 | BERNAMA.COM |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mekanisme-pembayaran-suri-rumah-perlu-dikenal-pasti-nancy-432932 | ASTROAWANI.COM |
| | https://tvstv.my/2023/08/15/mekanisme-pembayaran-suri-rumah-perlu-dikenal-pasti-nancy/ | TVSTV.MY |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/08/943227/identify-payment-mechanism-housewives-says-nancy | NST.COM.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/69351-mekanisme-pembayaran-perlu-dikenal-pasti-untuk-suri-rumah-nancy | BERITA.RTM.GOV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **KPWKM PERLU WUJUDKAN PROSEDUR UNTUK IBU BAPA MENDAPATKAN RAKAMAN CCTV** | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-perlu-wujudkan-prosedur-untuk-ibu-bapa-mendapatkan-rakaman-cctv/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **ABUSED BOY TO BE CARED FOR BY FAMILY MEMBERS** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/08/15/abused-boy-to-be-cared-for-by-family-members | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=eib0H4sFEOA | YOUTUBE |

16/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **KPWKM PERKASA SUARA WANITA, KANAK-KANAK PEREMPUAN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/15/kpwkm-perkasa-suara-wanita-kanak-kanak-perempuan/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **15 OGOS 2023 SPM - EKONOMI MADANI: MEMPERKASA POTENSI WANITA** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=0mSL-1ch_Hc | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **KESAKSAMAAN GENDER: LETAKKAN SURI RUMAH DALAM KATEGORI WANITA BEKERJA - ROHANI** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kesaksamaan-gender-letakkan-suri-rumah-dalam-kategori-wanita-bekerja-rohani-432974 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=uuhlWFntvBE | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **LPPKN ANJUR FORUM KESAKSAMAAN GENDER SEMPENA HARI PENDUDUK SEDUNIA 2023** | |
| | https://www.aksesmalaysia.my/lppkn-anjur-forum-kesaksamaan-gender-sempena-hari-penduduk-sedunia-2023/ | AKSESMALAYSIA.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **DERA ANAK: IBU, KENALAN DIDAKWA ESOK** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/999853/dera-anak-ibu-kenalan-didakwa-esok | HMETRO.COM.MY |

16/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **TAMBANG PERCUMA MYBAS BUAT OKU, WARGA EMAS DAN PELAJAR SEKOLAH** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/273861/berita/nasional/tambang-percuma-mybas-buat-oku-warga-emas-dan-pelajar-sekolah | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tambang-percuma-mybas-buat-oku-warga-emas-dan-pelajar-sekolah-432925 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/999689/mybas-konsesi-tawar-tambang-percuma-buat-oku-warga-emas-pelajar-sekolah | HMETRO.COM.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/69336-tambang-percuma-mybas-kepada-oku-warga-emas-dan-pelajar-sekolah | BERITA.RTM.GOV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **PENGASUH DIDENDA RM40,000, CUAI JAGA DUA BAYI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/999671/pengasuh-didenda-rm40000-cuai-jaga-dua-bayi | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/15/pengasuh-kasari-dua-bayi-didenda-rm40000-bon-berkelakuan-baik-dua-tahun/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/273874/berita/semasa/pengasuh-taska-didenda-rm40000-cuai-jaga-dua-bayi | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1140663/denda-rm40000-cuai-jaga-dua-bayi | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/cuai-jaga-bayi-pengasuh-taska-didenda-rm40000-khidmat-masyarakat-432927 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=npxEGyVkhNw | YOUTUBE |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/08/15/cuai-jaga-2-bayi-pengasuh-didenda-rm40000/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **KES DERA KANAK-KANAK MERUNCING, PERLU PENYELESAIAN MENYELURUH** | |
| | https://berita.rtm.gov.my/index.php/kolumnis/69337-kes-dera-kanak-kanak-perlu-penyelesaian-menyeluruh | BERITA.RTM.GOV.MY |

16/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **YAYASAN BANK RAKYAT BANTU NENEK LUMPUH DIJAGA CUCU** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/15/yayasan-bank-rakyat-bantu-nenek-lumpuh-dijaga-cucu/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/wanita-lumpuh-dijaga-cucu-sebak-perhatian-yayasan-bank-rakyat/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/273838/edisi/kelantan/pelajar-b40-jangan-cepat-tolak-peluang | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **LELAKI DIREMAN DISYAKI DERA ANAK BEKAS TEMAN WANITA** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/lelaki-direman-disyaki-dera-anak-bekas-teman-wanita/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/273839/berita/semasa/kanak-kanak-6-tahun-cedera-didera-bekas-teman-lelaki-ibu | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1140629/bekas-teman-lelaki-ibu-dera-kanak-kanak-6-tahun-direman-5-hari | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dera-kanakkanak-6-tahun-bekas-teman-lelaki-ibu-ditahan-432898 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2216345 | BERNAMA.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=xxwbd9U5aXw | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **MALU PUNCA WANITA TAK BUAT UJIAN KESAN KANSER SERVIKS** | |
| | https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/08/1140625/malu-punca-wanita-tak-buat-ujian-kesan-kanser-serviks | BHARIAN.COM.MY |

16/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **KERANA BEREBUT TEMAN WANITA, 7 REMAJA PUKUL RAKAN SEKOLAH** | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/kerana-berebut-teman-wanita-7-remaja-pukul-rakan-sekolah/ | BULETINTV3.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/08/15/remaja-dipukul-kerana-main-whatsapp-dengan-teman-wanita-orang/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=zwtpny8ixew | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **CABUL ANAK SAUDARA, 'PAK NGAH' KENA PENJARA, SEBATAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/999651/cabul-anak-saudara-pak-ngah-kena-penjara-sebatan | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **BAYI MANGSA CUAI KINI TRAUMA, TAKUT DENGAN ORANG DEWASA** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/273881/berita/semasa/bayi-mangsa-cuai-kini-trauma-takut-dengan-orang-dewasa | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **PERHILITAN BERJAYA HALAU SEMULA GAJAH PIJAK ORANG ASLI KE HUTAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/999711/perhilitan-berjaya-halau-semula-gajah-pijak-orang-asli-ke-hutan | HMETRO.COM.MY |

16/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **LELAKI LALOK ACU PISAU LIPAT, KASARI WANITA DITAHAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/273991/berita/semasa/lelaki-lalok-acu-pisau-lipat-kasari-wanita-ditahan | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **WANITA TANPA SEGAN 'BUANG AIR' GUNA TANDAS PAMERAN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/15/wanita-tanpa-segan-buang-air-guna-tandas-pameran/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/273969/berita/semasa/pemuda-diberkas-rakam-wanita-buang-air-di-tandas-stesen-minyak | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **AJAK WANITA BERHIBUR SEBELUM CULIK UNTUK TEBUSAN** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1140946/ajak-wanita-berhibur-sebelum-culik-untuk-tebusan | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **WARGA EMAS MAUT DI KEBUN AKIBAT DIHEMPAP POKOK** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/warga-emas-maut-di-kebun-akibat-dihempap-pokok/ | UTUSAN.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BEKAS TEMAN LELAKI KENA REMAN DERA ANAK KEKASIH | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 16 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Bekas teman lelaki kena reman dera anak kekasih

**Johor Bahru:** Bekas teman lelaki kepada ibu seorang kanak-kanak perempuan berusia enam tahun yang dipercayai didera, direman lima hari bermula semalam.

Perintah reman sehingga Sabtu ini dikeluarkan Majistret R Salini di Mahkamah Majistret Johor Bahru, di sini.

Kelmarin, lelaki tempatan berusia 29 tahun itu ditahan pihak polis di sekitar Johor Bahru, jam 11.05 malam.

Penahanan suspek dibuat selepas ibu mangsa yang berusia 25 tahun membuat laporan polis, pada jam 10.39 pagi pada hari sama.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat, berkata mangsa mengalami kecederaan fizikal di bibir dan muka dipercayai didera suspek.

"Mangsa sudah pun dirujuk ke Hospital Sultanah Aminah (HSA) bagi mendapatkan rawatan lanjut.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana perlakuan jenayah mengikut peruntukan undang-undang sedia ada. Kes disiasat mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001," katanya.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI PERLU SOKONGAN TANGANI TEKANAN HIDUP | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 16 OGOS 2023 | M/SURAT : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Lelaki perlu sokongan tangani tekanan hidup

**Dr Mohd Yusof Zulkefli,**
Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Universiti Teknologi MARA (UiTM)

**Lelaki** secara tipikalnya dilihat sebagai manusia yang kuat fizikal dan mental, gagah perkasa serta pelindung kepada kaum hawa. Jadi, apabila dia tidak mampu melakukan tugas yang dikaitkan dengan kelelakiannya, mereka selalu dihukum.

Hal ini sebenarnya sebentuk *bias gender* iaitu tingkah laku pilih kasih terhadap satu jantina berbanding yang lain. Misalnya, jika lelaki itu menangis, berkeluh kesah atau berjiwa sensitif, maka ia dianggap satu kesalahan.

Umumnya masyarakat akan lebih cenderung untuk memberikan penekanan yang lebih pada golongan wanita, tanpa sengaja mengabaikan hakikat bahawa lelaki juga memerlukan sokongan sama.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), selepas dunia dihantui oleh wabak COVID-19, bukan hanya wanita, bahkan isu kesihatan mental dalam kalangan lelaki turut mengalami peningkatan ketara.

Berdasarkan rekod Majlis Keselamatan Negara (MKN) pula, pada 2021 Talian Bantuan Perkhidmatan Sokongan Psikososial (MHPSS) menerima 212,319 panggilan, berbanding dengan 44,061 panggilan sebelumnya. Walaupun tiada perincian statistik atau data, namun tentu saja angka itu turut merangkumi pemanggil lelaki.

Jadi seharusnya kita mula melihat lelaki seperti manusia. Stigma mereka tidak boleh menangis perlu dihapuskan. Sebaliknya mereka juga punya perasaan, jangan diejek jika kita melihat lelaki itu menangis. Biarkan mereka melayani perasaan dan tugas kita sebagai ahli keluarga atau rakan memberi sokongan moral. Ini amat penting supaya mereka tidak melakukan perkara yang mencederakan diri atau lebih teruk lagi cubaan untuk membunuh diri.

Satu kajian empirikal sebelum ini mendapati bahawa menangis adalah tindak balas terhadap emosi sedih yang berpotensi merendahkan tahap tekanan psikologi. Selain itu ia juga dapat membantu kita merasa lebih positif atau lega selepas menangis.



Namun begitu, harus diingatkan, jika hari ini anda mahu menangis rentetan daripada tekanan yang melanda diri, lakukanlah sepuas-puasnya. Tapi ingat, jangan terbawa-bawa perasaan itu. Esok adalah hari baharu dan sepatutnya menjadi rahmat untuk menjalani kehidupan dengan lebih baik.

## Beri sokongan

Jika seseorang lelaki itu mahu meluahkan perasan atau emosi mereka kepada kita, sebagai sahabat atau teman yang baik, ambil masa untuk mendengar keluh kesah itu. Kita tidak perlu menjadi hebat atau pakar cukup sekadar menjadi pendengar yang baik. Malah, mungkin mereka tidak perlu nasihat atau jalan penyelesaian. Apa yang mereka mahukan ialah seseorang untuk mendengar.

Amat sukar sebenarnya untuk seseorang lelaki itu meluahkan perasaan kerana ego yang menebal dalam diri. Namun, apabila mula menceritakan dan meluahkan masalah, itu tanda mereka percaya.

Sebenarnya, adalah lebih baik apabila lelaki itu meluahkan perasaan daripada memendam rasa. Jika ia hanya dipendam sendirian, ia akan membebankan emosi yang lama kelamaan akan menekan diri.

Jadi, kita perlu membuang stigma lelaki tidak boleh menangis. Sebaliknya seperti wanita mereka adalah manusia biasa dan memerlukan sokongan emosi. Jadi berikan sokongan sepatutnya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENGASUH DIDENDA RM40,000 CUAI JAGA DUA BAYI | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 16 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pengasuh didenda RM40,000 cuai jaga dua bayi

**Johor Bahru:** Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, mendenda RM40,000 terhadap pengasuh TASKA yang didakwa bertindak cuai sehingga boleh menyebabkan kecederaan fizikal terhadap dua bayi, Mac lalu.

Hukuman itu dijatuhkan oleh Hakim Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim terhadap tertuduh, Nurul Shahira A'shiqin Sulaiman, 28, selepas wanita itu mengekalkan pengakuan bersalah bagi dua pertuduhan yang dihadapinya, pada 21 Mei lalu.

Che Wan Zaidi yang mengenakan hukuman denda RM20,000 bagi setiap pertuduhan itu turut memerintahkan hukuman penjara lima bulan masing-masing bagi setiap pertuduhan jika gagal membayar denda.

Selain itu, hakim turut mengenakan bon berkelakuan baik selama dua tahun dengan jaminan RM20,000 tidak bercagar bagi setiap pertuduhan serta menjalani khidmat masyarakat selama 100 jam bagi kedua-dua pertuduhan dalam tempoh enam bulan, bermula tarikh sabitan.

Che Wan Zaidi dalam penghakimannya berkata, walaupun perbuatan tertuduh tidak membabitkan kecederaan ke atas dua bayi itu, dengan usia bayi yang masih mentah itu sepatutnya mereka dijaga dengan penuh kasih sayang.

"Kamu diamanahkan sebagai pengasuh di pusat asuhan itu, tetapi kamu didapati bertindak cuai dan lakukan perbuatan tidak sewajarnya ke atas bayi yang masih mentah.

"Dalam hal ini, mahkamah perlu beri satu hukuman yang bersesuaian dengan perbuatan kamu dan sebagai pengajaran juga supaya kamu menjadi orang yang lebih baik pada masa hadapan," katanya.

## Kecederaan fizikal

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh yang mempunyai pemeliharaan terhadap seorang bayi perempuan berusia 11 bulan dan seorang bayi lelaki sembilan bulan didakwa bagi dua pertuduhan bertindak cuai dengan cara yang mungkin akan menyebabkan kecederaan fizikal terhadap bayi berkenaan.

Perbuatan itu dilakukan di Jalan Utama 34, Taman Mutiara Rini di sini, kira-kira jam 1 tengah hari, Mac lalu.

Bagi kedua-dua kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM50,000 atau penjara maksimum 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Sebagai tambahan, tertuduh boleh dikenakan bon berkelakuan baik dan melaksanakan khidmat masyarakat selama tempoh 160 jam dan pemantauan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) selama enam bulan.

Terdahulu, peguam Syufri A Samad yang mewakili tertuduh dalam mitigasinya memohon hukuman lebih ringan atas alasan anak guamnya mengaku bersalah pada hari pertama dia didakwa, sekali gus menjimatkan kos dan masa mahkamah serta pendakwaan.

"Tertuduh sudah berkahwin, namun tiada anak dan dia juga sudah tidak bekerja susulan kes ini, maka dia kini ditanggung suaminya yang hanya bekerja kilang dengan pendapatan RM2,000 sebulan," katanya.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya Nurul Syafiqah Sha'ari pula memohon mahkamah mempertimbangkan kepentingan masyarakat awam berbanding kepentingan peribadi tertuduh.



*Nurul Shahira tiba di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam.*
(Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TAMBANG PERCUMA MYBAS KONSESI DI TIGA BANDAR | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 16 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 23 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Tambang percuma myBAS Konsesi di tiga bandar

## Inisiatif dijangka beri manfaat lebih 2,500 pengguna golongan sasar

**Oleh Mohd Amin Jalil**
bhnews@bh.com.my



*Loke menggunakan kad pas transit MyBAS ketika mengumumkan inisiatif tambang percuma 'myBAS Konsesi' di Seremban, semalam.*
(Foto Azrul Edham/BH)

**Seremban:** Kementerian Pengangkutan (MOT) meneruskan inisiatif menyediakan tambang percuma 'myBAS Konsesi' yang menawarkan tambang percuma bagi perkhidmatan bas henti-henti myBAS, mulai semalam.

Menterinya, Anthony Loke, berkata inisiatif menerusi Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST) itu dilaksanakan di tiga bandar iaitu di Seremban, Ipoh dan Johor Bahru.

Katanya, tambang percuma bagi perkhidmatan bas henti-henti disasarkan kepada golongan orang kurang upaya (OKU), warga emas dan kanak-kanak serta pelajar sekolah berumur tujuh hingga 17 tahun.

"Inisiatif yang dikendalikan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan diperkenalkan sempena sambutan Hari Kebangsaan ini dijangka memberi manfaat kepada lebih 2,500 pengguna golongan sasar.

"Selaras dengan konsep Ekonomi MADANI, inisiatif SBST membantu menambah baik rangkaian pengangkutan awam dalam bandar, jaringan pertama dan terakhir di ketiga-tiga bandar raya terbabit selain mengurangkan kos sara hidup golongan sasar," katanya kepada media ketika mengumumkan inisiatif berkenaan di Terminal One, di sini, semalam.

Pengguna akan menikmati manfaat subsidi kos perjalanan di ketiga-tiga bandar raya terbabit yang membabitkan keseluruhan 58 laluan.

Loke berkata, mereka yang berkelayakan boleh mendaftar di kaunter perkhidmatan myBAS dengan membawa dokumen pengenalan diri.

Katanya, terdapat tujuh lokasi pendaftaran disediakan di Johor Bahru, Seremban (lima) dan satu di Ipoh.

"Prosesnya sangat mudah, mereka hanya perlu sekali sahaja buat pendaftaran dan akan diberi pas myBAS. Mereka dikehendaki memperbaharuinya setiap tahun bagi tujuan kemas kini maklumat.

"Bagi golongan OKU dan warga emas, kita akan tengok bagaimana untuk permudahkan pendaftarannya supaya mereka tak perlu perbaharui kad setiap tahun," katanya.

### Inisiatif akan diperluas

Beliau berharap mereka yang berkenaan dapat membuat permohonan bagi menerima manfaat itu yang bertujuan meringankan beban mereka, malah tiada had ditetapkan.

"Kita juga bercadang memperluaskan pelaksanaan tambang percuma ini ke negeri lain secara berperingkat.

"Sebelum ini, kita dapati tak ramai golongan ini yang menggunakan perkhidmatan myBAS di tiga-tiga negeri ini.

"Tetapi saya yakin bila kerajaan ambil inisiatif sediakan tambang percuma ini, ramai yang akan buat permohonan dan ingin memanfaatkannya," katanya.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK : | WAJIBKAN CCTV DI TASKA TURUT LINDUNGI PENGUSAHA | | | |
| HARI : | RABU | | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH : | 16 OGOS 2023 | | M/SURAT : | 20 |
| TONE : | POSITIF | | SEKTOR : | KPWKM |

# Wajibkan CCTV di TASKA turut lindungi pengusaha

## Pemasangan penting, bantu sebagai bukti jika kes penderaan berlaku: PPBM

Oleh Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pemasangan sistem kamera litar tertutup (CCTV) sebagai syarat wajib dalam proses memperbaharui lesen TASKA berdaftar disifatkan mampu menangani kes penderaan kanak-kanak secara tuntas di premis berkenaan.

Presiden Persatuan Pengasuhan dan Perkembangan Awal Kanak-Kanak Berdaftar Malaysia (PPBM), Anisa Ahmad, berkata pemasangan CCTV di TASKA sudah diwajibkan sejak lima tahun lalu dan perkara ini sangat penting serta membantu sebagai bukti sekiranya kes penderaan berlaku.

Katanya, pemasangan CCTV juga boleh membantu melindungi pengusaha TASKA sebagai bukti sekiranya ada kes berlaku di premis yang bukan disebabkan kecuaian mereka.

"Mengikut Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) 1989, privasi kanak-kanak dan pengasuh perlu dijaga.

"Dalam hal ini, penjaga juga tidak boleh sewenang-wenangnya untuk tengok rakaman CCTV kecuali ada kes," katanya kepada *BH*, semalam.

### Tindakan tegas

Sebelum ini, *BH* melaporkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan mengambil tindakan tegas untuk tidak memperbaharui lesen pengusaha TASKA yang tidak mematuhi syarat wajib pemasangan CCTV di premis mereka.


KPWKM mahu kuat kuasa akta pasang CCTV di TASKA

*Keratan akhbar BH 12 Ogos lalu.*

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri dilaporkan berkata, syarat berkenaan termaktub di dalam Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984, namun masih ada pengusaha yang mengabaikannya.

Justeru, katanya, pihak kementerian akan meneliti untuk mengambil tindakan lebih tegas terhadap pengusaha TASKA yang gagal mematuhi peraturan itu.

Baru-baru ini, tular video berdurasi dua minit 12 saat memaparkan seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun ditendang, ditampar dan rambut ditarik oleh pengasuh di sebuah TASKA di Luyang, Sabah.

Rakaman CCTV menunjukkan kanak-kanak lelaki itu ditampar dan dipukul menggunakan pembaris di muka dan kepala berkali-kali ketika hendak makan.

Berikutan itu, seorang pengasuh TASKA berusia 27 tahun yang disyaki mendera kanak-kanak berkenaan ditahan polis dan direman seminggu mulai Khamis lalu.

> "Pemasangan CCTV di TASKA sudah diwajibkan sejak lima tahun lalu dan perkara ini sangat penting serta membantu sebagai bukti sekiranya kes penderaan berlaku"



*Anisa Ahmad, Presiden PPBM*

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'SAYA HANYA MAHUKAN KEADILAN UNTUK ANAK' | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 16 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Saya hanya mahukan keadilan untuk anak'

## *Wanita curiga kematian anak dalam rumah dikunci rantai besi*

Oleh Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil
harisfadli@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Punca kematian seorang lelaki di sebuah unit kondominium di Kota Damansara, Selangor menjadi tanda tanya berikutan terdapat dakwaan keluarga dia meninggal dunia akibat kebuluran.

Bagaimanapun hasil siasatan polis mendapati kematiannya berpunca daripada masalah lemah jantung.

Ibu lelaki terbabit, Ang Seok Choo, 73, berkata, anaknya itu yang berusia 48 tahun ditemui meninggal dunia pada 23 Julai lalu.

Dia mendakwa kejadian itu berpunca daripada tindakan seorang wanita tempatan yang juga pemilik unit kondominium itu bertindak merantai dan mengunci pintu jeriji susulan anaknya dikatakan gagal membayar tunggakan sewa berjumlah RM5,000.

"Dia menyewa di situ sudah 18 tahun dan sebelum ini tidak pernah berhutang sewa.

"Cuma sejak beberapa bulan lalu, dia tak mampu bekerja kerana sakit akibat kecederaan pada tangan.

"Kenapa rumah dia dikunci dengan rantai besi? Sampai macam itu sekali, kejadian ini benar-benar menyakitkan saya sebagai ibunya.

"Saya baca laporan berita mengatakan polis menemui anak saya dalam keadaan kaki patah dan perut hanya mengandungi air dan tiada langsung makanan.

"Saya mahukan keadilan untuk anak saya," katanya ketika ditemui di Pusat Perkhidmatan DAP Kepong di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Seok Choo berkata, dia melunaskan tunggakan sewa berjumlah RM5,000 selepas dihubungi pemilik unit kondominium terbabit namun wanita itu tidak memaklumkan kejadian sebenar yang berlaku.

"Tuan rumah hubungi saya dan minta baki sewa lima bulan dan saya langsaikan.

"Pada masa itu, saya tak tahu yang anak saya dikurung, jadi saya tidak tanya pada dia. Saya dapat tahu kemudian selepas membaca laporan berita.

"Sebelum ini saya selalu berhubungan dengan anak menerusi WhatsApp dan kali terakhir kami berhubung pada Mei lalu," katanya.

Sehubungan itu, dia meminta polis menjalankan siasatan terperinci termasuk inkues mengikut Seksyen 339 Kanun Prosedur Jenayah bagi menuntut keadilan ke atas kematian anaknya.

Jiran mangsa yang mahu dikenali sebagai Eric berkata, dia menemui notis ditampal pada pagar jeriji kediaman dengan tulisan 'hubungi saya selepas anda baca notis ini' dan nama wanita di bawahnya dipercayai pemilik unit kondominium.

Menurutnya, hatinya terdetik menjenguk jirannya selepas lebih sebulan kelibatnya tidak kelihatan.

"Ketika itu saya baru pulang dari Pulau Pinang dan terdetik ketuk pintu rumahnya sebab sudah lebih sebulan tidak nampak.

"Saya nampak pintu jeriji dikunci dengan rantai besi dan saya ketuk dan tolak pintu utama tidak berkunci dan nampak mangsa terbaring dekat pintu. Saya kemudian terus lapor polis.

"Dia seorang yang normal, tetapi pendiam. Sebelum kejadian itu, saya tidak dengar sebarang jeritan meminta tolong atau bau busuk," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Petaling Jaya Asisten Komisioner Mohamad Fakhrudin Abdul Hamid berkata, hasil siasatan awal mendapati kematian mangsa berpunca daripada masalah lemah jantung.

Menurutnya, polis sedang menyiasat dakwaan mengatakan mangsa dikurung oleh tuan rumah berkenaan.

"Hasil siasatan kita lihat tiada apa-apa elemen jenayah dalam kematian mangsa, tetapi kita masih lagi lengkapkan siasatan.

"Kes kini diklasifikasikan sebagai kematian mengejut (SDR) dan kita akan cadang buat inkues dan hantar hasil siasatan kepada Timbalan Pendakwa Raya," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mohamad Fakhrudin berkata, ketika ditemui, lelaki terbabit dipercayai sudah meninggal dunia 10 hari sebelum itu.



KETUA Biro Aduan DAP Malaysia, Lim Lip Eng (kiri) bersama Seok Choo (tiga dari kiri) di Pusat Perkhidmatan DAP Kepong. - Gambar NSTP/HAZREEN MOHAMAD



MANGSA dipercayai sudah meninggal 10 hari sebelum ditemui.



*Kes kini diklasifikasikan sebagai kematian mengejut (SDR) dan kita akan cadang buat inkues dan hantar hasil siasatan kepada Timbalan Pendakwa Raya"*

**Mohamad Fakhrudin**

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | BIBIR, MUKA BUDAK CEDERA | | |
| HARI : | RABU | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 16 OGOS 2023 | M/SURAT : | 04 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Bibir, muka budak cedera

## *Bekas kekasih kepada ibu kanak-kanak 6 tahun direman 5 hari disyaki terbabit kes penderaan*

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

**Johor Bahru**

Satu lagi kes dera dilaporkan dan kali ini membabitkan seorang kanak-kanak perempuan enam tahun cedera di bibir dan muka dipercayai didera bekas teman lelaki ibunya.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat ***(gambar)*** berkata, laporan polis dibuat ibu mangsa berusia 25 tahun jam 10.39 pagi kelmarin.

Katanya, susulan itu lelaki tempatan berusia 29 tahun ditahan di sekitar Johor Bahru jam 11.05 malam kelmarin.

"Polis menerima laporan dari ibu mangsa berhubung kes penderaan anaknya di sebuah rumah di kawasan Kampung Sinaran Baru, Kempas yang menyebabkan mangsa cedera di bibir dan muka.

"Mangsa dirujuk ke Hospital Sultanah Aminah (HSA) bagi rawatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan media semalam.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-kanak 2001 dan suspek direman lima hari bermula semalam.

Pada 12 Ogos lalu media melaporkan seorang kanak-kanak lelaki menjadi mangsa dera dua wanita yang mana seorang daripadanya dipercayai ibu kandungnya.

Kejadian menimpa kanak-kanak berusia tujuh tahun itu akhirnya terbongkar selepas jiran di kawasan perumahan dipercayai di sekitar Bandar Layangkasa dekat Pasir Gudang di sini, menyerbu rumah diduduki dua beranak itu.

Wanita berkenaan ibu tunggal berusia 27 tahun manakala seorang lagi wanita adalah rakannya yang berperwatakan seperti lelaki (tomboy) berusia 30 tahun ditahan bagi membantu siasatan.



| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DITIPU 'PEKERJA KURIER' RM537K | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 16 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Ditipu 'pekerja kurier' RM537k

**Ipoh:** Seorang pensyarah wanita rugi lebih RM500,000 selepas diperdaya sindiket penipuan melalui panggilan telefon, baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Muallim Supt Mohd Hasni Mohd Nasir berkata, wanita berusia 38 tahun itu memaklumkan menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki mendakwa pekerja syarikat kurier pada 3 Ogos lepas.

"Suspek menyatakan mangsa ada dua bungkusan atas namanya yang mengandungi lima kad pengenalan, lima pasport serta lima kad bank milik orang lain sebelum panggilan disambungkan kepada pihak yang kononnya Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak dan Bukit Aman bagi tujuan meyakinkan mangsa," katanya dalam kenyataan, kelmarin.

Mohd Hasni berkata, suspek menyamar sebagai pegawai penyiasat mendakwa mangsa ada waran tangkap berkaitan jenayah pengubahan wang haram dan pemerdagangan manusia yang menyebabkan mangsa mengikuti arahan termasuk memindahkan keseluruhan wang ke 16 akaun berlainan.

> *Wanita itu yang panik mengikut arahan suspek dengan memindahkan wangnya sebanyak RM537,659"*
>
> **Mohd Hasni**

"Wanita itu yang panik mengikut arahan suspek dengan memindahkan wangnya sebanyak RM537,659 ke akaun diberi sindiket sejak 3 hingga 12 Ogos lepas melalui 25 transaksi," katanya.

Beliau berkata, mangsa hanya menyedari diperdaya selepas suaminya melihat perubahan sikap isterinya yang sering memegang telefon termasuk meminta meminjamkan duit untuk melakukan pembayaran kepada individu tersebut.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GAJAH 'CABUT NYAWA' WANITA DIHALAU KE HUTAN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 16 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Gajah 'cabut nyawa' wanita dihalau ke hutan

**Ipoh:** Gajah liar dipercayai menyebabkan kematian wanita Orang Asli di Kampung Bal, Rancangan Penempatan Semula (RPS) Kemar, Gerik Ahad lalu berjaya dihalau semula ke hutan.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Perak Yusoff Shariff berkata, Unit Tindakan Gajah Negeri Perak membuat kawalan di lokasi kejadian dan menghalau semula gajah tersebut masuk ke hutan berhampiran.

"Kita berusaha menghalau gajah disyaki jantan yang datang dari Hutan Simpan Temenggor itu dari petang hingga malam tadi (kelmarin)," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

> *Sekarang musim durian di sana jadi mereka juga dinasihatkan tidak pergi ke kebun bersendirian dan ketika suasana gelap seperti awal pagi atau lewat petang"*
>
> **Yusoff**

Beliau berkata, penduduk dinasihatkan supaya membersihkan atau memusnahkan makanan gajah terutama rumput napier atau dikenali sebagai rumput gajah bagi mengelak ia kembali ke kawasan tersebut.

"Sekarang musim durian di sana jadi mereka juga dinasihatkan tidak pergi ke kebun bersendirian dan ketika suasana gelap seperti awal pagi atau lewat petang," katanya.

Kelmarin Ketua Polis Daerah Gerik Supt Zulkifli Mahmood dalam kenyataan berkata pihaknya menerima laporan mengenai wanita Orang Asli dipercayai dipijak gajah di kebun durian berhampiran rumahnya jam 5.30 petang Ahad lalu.

Zulkifli dilaporkan berkata warga emas berusia 63 tahun itu yang pergi ke kebun untuk mengutip durian antara 4 hingga 5 petang terserempak lalu dipijak gajah kemudian dibawa ke Klinik Kesihatan RPS Kemar dan disahkan meninggal dunia.

Bedah siasat yang dijalankan di Hospital Gerik mendapati kematian akibat hentakan benda tumpul di dada dan mayatnya telah diserahkan kepada ahli keluarga untuk pengebumian.



MANGSA maut dipijak gajah di kebun durian dekat rumahnya di Kampung Bal RPS Kemar, Gerik pada Ahad lalu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI KENA JEL LIMA TAHUN, SEBAT | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 16 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 23 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

AMANG SEKSUAL FIZIKAL ANAK SAUDARA PEREMPUAN

# Lelaki kena jel lima tahun, sebat

**Kuala Terengganu:** Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara lima tahun dan satu sebatan di Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana melakukan amang seksual fizikal terhadap anak saudara perempuannya.

Keputusan itu dibuat Hakim Nooriah Osman selepas tertuduh berusia 42 tahun didapati bersalah terhadap pertuduhan berkenaan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa yang ketika kejadian berusia 11 tahun dua bulan.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di kawasan pantai dalam daerah Marang jam 11 pagi pada September 2020.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (AKSTKK) 2017.

Mahkamah kemudian mengarahkan hukuman penjara bermula semalam.

Selain itu, tertuduh turut diarahkan berada dalam pengawasan polis selama dua tahun mengikut Seksyen 27 AKSTKK2017 sebaik selesai menjalani hukuman penjara.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NIKMATI BAS PERCUMA | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 16 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Nikmati bas percuma

## *MyBAS Konsesi tawar khidmat tanpa bayar kepada pelajar, warga emas, OKU di tiga bandar*

Oleh Mohd Amin Jalil
am@hmetro.com.my

**Seremban**

Kementerian Pengangkutan (MOT) meneruskan inisiatif kepada rakyat dengan menyediakan tambang percuma myBAS Konsesi yang menawarkan tambang percuma bagi perkhidmatan bas henti-henti MyBAS mulai semalam.

Menterinya, Anthony Loke berkata, inisiatif itu yang dilaksanakan di bawah Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST) dilaksanakan di tiga bandar iaitu di Seremban, Ipoh dan Johor Bahru.

Menurutnya, ia menyasarkan kepada mereka yang berkelayakan menerima manfaat iaitu golongan orang kurang upaya (OKU), warga emas berusia 60 tahun ke atas dan pelajar sekolah berusia tujuh hingga 17 tahun di kawasan liputan perkhidmatan.

"Inisiatif ini dikendalikan Agensi Pengangkutan Awam Darat (Apad) yang dijangka memberi manfaat kepada lebih 2,500 pengguna golongan sasar.





LOKE (dua, kanan) mengimbas kad MyBAS Konsesi ketika mencuba kad itu pada Pelancaran Insiatif Tambang Percuma MyBAS Konsesi dan Tinjauan ke Terminal Bas Seremban.





ORANG kurang upaya (OKU) Hamidah Syukur, 58, ceria selepas mendapat kad percuma MyBas Konsesi.

"Mereka menikmati manfaat subsidi kos perjalanan di ketiga-tiga bandar raya itu yang membabitkan keseluruhan 58 laluan," katanya ketika mengumumkan inisiatif berkenaan di Terminal One di sini, semalam.

Loke berkata, mereka yang berkelayakan boleh mendaftar di kaunter perkhidmatan myBAS dengan membawa dokumen pengenalan diri.

Beliau berkata, ada lima lokasi kaunter pendaftaran disediakan di Seremban, Johor Bahru (7) dan Ipoh (1).

"Prosesnya sangat mudah, mereka perlu buat pendaftaran sekali sahaja dan diberi pas myBAS, tetapi dikehendaki meperbaharuinya setiap tahun bagi tujuan kemas kini maklumat.

"Bagi golongan OKU dan warga emas, kita lihat bagaimana mempermudahkan pendaftaran supaya mereka tak perlu perbaharui kad setiap tahun," katanya.

Beliau berharap mereka yang berkenaan membuat permohonan bagi menerima manfaat itu yang bertujuan meringankan beban, malah tiada had ditetapkan.

"Kita bercadang memperluaskan pelaksanaan tambang percuma ini ke negeri lain secara berperingkat.

"Sebelum ini, kita dapati tak ramai golongan ini yang menggunakan perkhidmatan myBAS di tiga-tiga negeri itu.

"Tapi saya yakin bila kerajaan ambil inisiatif sediakan tambang percuma, ramai yang buat permohonan dan ingin memanfaatkannya," katanya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PAK NGAH KENA JEL LIMA TAHUN, TIGA SEBATAN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 16 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



TERTUDUH dibawa keluar selepas dijatuhi hukuman penjara dan sebatan atas kesalahan mencabul anak saudaranya. - Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI

CABUL ANAK SAUDARA

# Pak Ngah kena jel lima tahun, tiga sebatan

**Muar:** "Saya terima apa sahaja hukuman dikenakan. Saya sudah insaf," kata seorang pemandu lori sebelum dijatuhi hukuman penjara lima tahun serta tiga sebatan selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan mencabul kehormatan anak saudaranya, awal bulan ini.

Tertuduh berusia 49 tahun membuat pengakuan bersalah sebaik pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut fakta kes, tertuduh yang dipanggil Pak Ngah oleh mangsa berusia 13 tahun didakwa melakukan perbuatan itu ketika datang ke rumahnya di Batu Pahat, jam 5.15 petang, 5 Ogos lalu.

Berdasarkan laporan polis, mangsa dikatakan kerap ke rumah tertuduh namun pada hari kejadian, lelaki itu mengambil kesempatan melakukan perbuatan tidak senonoh terhadapnya di dalam bilik.

> "Saya terima apa sahaja hukuman dikenakan. Saya sudah insaf
> Tertuduh

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (a) dan Seksyen 14 (b) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama.

Dia boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan bagi setiap pertuduhan dikenakan terhadapnya, jika sabit kesalahan.

Selepas mengambil kira rayuan serta hujahan pihak pendakwaan, mahkamah menjatuhkan hukuman lima tahun penjara serta satu sebatan bagi pertuduhan pertama manakala penjara lima tahun dan dua sebatan untuk pertuduhan kedua.

Bagaimanapun, mahkamah memutuskan supaya hukuman penjara berjalan serentak dari tarikh tertuduh ditahan 6 Ogos lalu, manakala hukuman sebatan dijalankan secara berasingan terhadap tertuduh yang tidak diwakili peguam itu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENGASUH CUAI JAGA DUA BAYI DIDENDA RM40,000 | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 16 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pengasuh cuai jaga dua bayi didenda RM40,000



NURUL Shahira A'shiqin.

**Johor Bahru:** Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman denda RM40,000 terhadap pengasuh taska yang didakwa bertindak cuai yang mungkin menyebabkan kecederaan fizikal terhadap dua bayi, Mac lalu.

Hukuman itu dijatuhkan Hakim Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim terhadap tertuduh, Nurul Shahira A'shiqin Sulaiman, 28, selepas wanita itu mengekalkan pengakuan bersalah bagi dua pertuduhan yang dihadapinya pada 21 Mei lalu.

Che Wan Zaidi yang mengenakan hukuman denda RM20,000 bagi setiap pertuduhan itu turut memerintahkan hukuman penjara lima bulan masing-masing bagi setiap pertuduhan sekiranya gagal membayar denda berkenaan.

Selain itu, hakim turut mengenakan bon berkelakuan baik selama dua tahun dengan jaminan RM20,000 tidak bercagar bagi setiap pertuduhan serta menjalani khidmat masyarakat selama 100 jam bagi kedua-dua pertuduhan dalam tempoh enam bulan bermula tarikh sabitan.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh yang mempunyai pemeliharaan terhadap seorang bayi perempuan berusia 11 bulan dan seorang bayi lelaki sembilan bulan didakwa bagi dua pertuduhan cuai dengan cara yang mungkin menyebabkan kecederaan fizikal terhadap bayi berkenaan.

Perbuatan itu dilakukan di Jalan Utama 34, Taman Mutiara Rini di sini, jam 1 tengah hari, Mac lalu.

## 'Anak saya jadi trauma'

**Johor Bahru:** "Selepas kejadian itu anak saya jadi trauma dengan orang dewasa," kata Farah Dayana Izzati Mohamed Nasir, 26, ibu bayi mangsa kecuaian pengasuh sebuah taska swasta Mac lalu.

Farah Dayana berkata, anak perempuannya itu seolah-olah takut apabila didekati orang dewasa yang tidak dikenali dipercayai kesan kejadian menimpanya.

"Dia masih takut dan tak nak dengan orang dewasa, kalau kanak-kanak dia tiada masalah.

"Di pusat jagaan baharu juga, tidak semua pengasuh okey dengan dia, hanya seorang cikgu yang dia percaya," katanya ketika ditemui di pekarangan mahkamah di sini, semalam.

Farah Dayana bersama suami, Mohamad Rashideen Khamisan, 26, serta ahli keluarga hadir ke mahkamah bagi mendengar prosiding jatuh hukum, semalam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TAK PUAS HATI KAWAN DENGAN 'AWEK' SUSPEK | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 16 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

KES TUJUH PUKUL REMAJA 15 TAHUN

# Tak puas hati kawan dengan 'awek' suspek

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

**Johor Bahru**

Seorang remaja lelaki 15 tahun dipukul, ditendang, disepak, dipijak dan ditumbuk sekumpulan remaja lain dalam kejadian 9 Ogos lalu hanya kerana berkawan dengan teman wanita salah seorang suspek.

Video memaparkan kejadian itu yang tular di media sosial sejak semalam berjaya membongkar kejadian menimpa remaja berkenaan sebelum tujuh remaja lain yang disyaki terbabit kes itu ditahan polis.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Raub Selamat berkata, hasil siasatan awal mendapati suspek utama tidak berpuas hati dengan mangsa yang dipercayai berkawan dengan teman wanitanya.

"Polis mengesahkan kejadian itu selepas menerima laporan polis pada jam 4.09 petang semalam oleh mangsa yang mendakwa dia dipukul, ditendang, dipijak, disepak dan ditumbuk beberapa kali di perut, belakang badan, paha dan lengan kiri serta kanan.

"Suspek adalah enam remaja lelaki tempatan dan seorang remaja lelaki warga asing semuanya berusia antara 14 hingga 17 tahun.

"Kejadian dipercayai berlaku di tempat awam dekat kawasan Taman Bestari Indah di sini, jam 3 petang 9 Ogos lalu dan pengadu mengalami cedera lebam di bahagian lengan kiri dan kanan, bengkak di bahagian paha sebelah kanan dan mengalami kesakitan di keseluruhan tubuh badan," katanya menerusi kenyataan media, semalam.

> "Mangsa mendakwa dia dipukul, ditendang, dipijak, disepak dan ditumbuk
> Raub

Beliau berkata, bertindak atas maklumat, antara jam 5.30 petang hingga 9.34 malam semalam, polis menyerbu enam lokasi berbeza di sekitar daerah ini.

"Hasil serbuan berjaya menahan enam suspek lelaki warga tempatan dan seorang lelaki warga asing.

"Kita turut membuat beberapa rampasan iaitu sehelai jersi warna biru, tiga helai t-shirt lengan panjang warna biru gelap, sehelai t-shirt lengan pendek warna hitam dan sebuah telefon bimbit," katanya.

Terdahulu, satu video tular di media sosial Facebook dimuat naik pemilik akaun Yatt Kasmuri berdurasi 59 saat yang memaparkan kejadian seorang remaja lelaki dipukul beberapa remaja lelaki lain di tempat awam.

Menurut Raub, tujuh suspek dibawa ke Mahkamah Majistret untuk mendapatkan tempoh reman dan kes disiasat mengikut Seksyen 147 kanun keseksaan.



TUJUH remaja direman selepas terlibat kes pukul seorang remaja berusia 15 tahun di Mahkamah Majistret, Johor Bahru.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 7 TEENS NABBED OVER TRIAL VIDEO OF ASSAULT ON 15-YEAR-OLD BOY | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 16 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

BEATEN UP OVER A GIRL

# 7 teens nabbed over viral video of assault on 15-year-old boy

**ISKANDAR PUTERI:** A 15-year-old boy was reportedly beaten up by at least seven other teenagers over a girl that he and one of the assailants had affections for.

Police detained the seven secondary school students on Monday for the alleged assault which took place at a playground in Taman Bestari Indah last week.

The seven, aged between 14 and 17, were detained between 5.30pm and 9.35pm in six raids at several housing estates in Johor Baru after footage of the assault was uploaded on Facebook.

The 59-second video showed the boys taking turns to kick, punch and repeatedly stomp on the victim at the playground.

The boy who was filming the assault was heard giving instructions for "more exciting" blows to be landed on the victim.

Just before the video ended, one of the boys slammed his body on the victim.

Johor Baru Selatan police chief Assistant Commissioner Raub Selamat said investigations revealed the assault occurred on Aug 9 at 3pm.

The victim, who sustained bruises and swelling on the stomach, back, thighs, and arms, lodged a report at 4.09pm on Monday.

This led to the police raids, during which clothing the suspects were wearing — which included three long-sleeved t-shirts with "Kadet Polis" printed on the back — a jersey and a mobile phone believed to have been used to film the incident, were also seized.

The suspects were remanded yesterday to facilitate investigations under Section 147 of the Penal Code for rioting.

They could face up to two years in prison if charged in court and found guilty.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SUSPECTED CHILD ABUSER REMANDED FOR 5 DAYS | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 16 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

6-YEAR-OLD GIRL HURT

# Suspected child abuser remanded for 5 days

**JOHOR BARU:** Police have obtained a five-day remand order against a 29-year-old man for the suspected abuse of his ex-girlfriend's 6-year old daughter.

Magistrate Salini Retnam granted the order, which began yesterday until Aug 19, for police to carry out investigations under Section 31(1)(a) of the Child Act 2001.

The girl was rushed to the hospital with injuries on the face and lips on Monday.

Johor police chief Datuk Kamarul Zaman Mamat said a report was lodged at 10.39am on Monday by the victim's mother, and the suspect was arrested in the state capital at 11.05pm.

Upon conviction, the suspect could face a maximum of 20 years' imprisonment and a fine of up to RM50,000, or both.

The victim is currently receiving medical care at the Sultanah Aminah Hospital.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TEEN CHARGED WITH FRATRICIDE | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 16 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

NO BAIL OFFERED

# TEEN CHARGED WITH FRATRICIDE

## Court fixes Sept 26 for mention pending post-mortem report in stabbing case

ADIE ZULKIFLI
**KULIM**
news@nst.com.my




*The teenager suspected of killing his brother being led to the Kulim magistrate's court, yesterday. No plea was recorded from him on the charge of murder.* PIC BY ADIE ZULKIFLI

A 17-YEAR-OLD was charged in the magistrate's court here, yesterday, with the murder of his elder brother at their home, here, last week.

The accused, whose identity is being withheld as he is a minor, nodded when the charge was read in Tamil by the court interpreter before magistrate B. Sri Pracha Nanthini.

The accused is charged with murdering his 23-year-old brother by stabbing the latter in the heart.

He is alleged to have committed the offence at 10.10am at their home in Taman Mahkota on Aug 7.

The charge was framed under Section 302 of the Penal Code, which carries the death penalty.

No plea was recorded from the accused.

Inspector Muhammad Shafiq Shafie conducted the prosecution, while the accused was represented by K. Kirenran from the National Legal Aid Foundation.

The court fixed Sept 26 for mention pending a post-mortem report. No bail was offered to the accused, as murder is a non-bailable offence.

Meanwhile, another elder brother was fined RM1,500 by the same court after he pleaded guilty to a charge of lodging a false report over the victim's death.

Sri Pracha meted out the sentence after the accused admitted to lodging a false report claiming that the deceased had died after falling in a goat pen.

He lodged the false report at the Kulim police station to cover up his underaged brother's alleged crime

The charge was framed under Section 182 of the Penal Code, which carries up to six months' jail or a maximum RM2,000 fine, or both, upon conviction.

Kirenran, who also represented the elder brother, pleaded for leniency as the accused earned RM1,500 monthly and had seven family members to support.

It is understood that the 26-year-old brother later paid the fine.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | EMPOWERING KIDS AGAINST ONLINE HARM | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 16 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# EMPOWERING KIDS AGAINST ONLINE HARM

## Protecting children from online harm means teaching them digital literacy skills

MCMC

By CHOW ZHI EN
zhien.chow@thestar.com.my

LAST September, the United Nations Children's Fund (Unicef) released the Disrupting Harm report which highlighted potential efforts and practices in Malaysia to address the growing concern about online child sexual exploitation and abuse.

ECPAT International, Interpol and Unicef Office of Research-Innocenti collaborated on the report, which was led by a technical committee chaired by the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC).

### Internet generation

The report found that 94% of youth aged 12 to 17 in Malaysia are internet users. Almost all of the youngsters polled used cell phones to access the internet.

According to the report's nationally representative household survey, 96% of 995 internet-using children in this age bracket go online at least once a day. It also found that children access the internet primarily at home, followed by school, malls and internet cafés.

The majority of the students polled (91%) utilised social media and instant messaging applications (90%), watched video clips (88%) and used the internet for schooling (86%).

Our children frequent social media platforms daily; 67% claimed they could pick which photos of themselves or their friends to share online, while 66% said they could change their privacy settings, and 66% said they could report dangerous content on social media.

However, the lowest self-reported computer abilities were seen in children aged 12-13 years and those residing in rural areas – which is where digital literacy becomes an important tool in safeguarding marginalised youth from online harm.

Digital literacy is an umbrella term for data literacy, information literacy, visual literacy, media literacy and metaliteracy. These skill sets work to build our capabilities in assessing social and ethical issues in the digital age.

### Social media as a tool

At its core, social media is a tool used by people to stay connected through the internet and exchange information in varying formats.

But a tool needs a skillful master.

According to the report, children in Malaysia were subjected to various forms of online sexual abuse and exploitation, and other unwanted experiences online.

Disturbingly, 9% of children surveyed within the past year had been exposed to sexual comments about them that made them feel uncomfortable, with the majority of these comments being made by someone they knew, according to the report.

Meanwhile, 9% of children were sent unwanted sexual images and 5% were asked to talk about sex or sexual acts with someone when they did not want to and 3% of surveyed children received a request for a photo or video showing their private parts when they did not want to.

Depending on the context, these experiences could be an indication of grooming.

This is where parents and guardians can step in to educate their children about potential online risks such as cyberbullying, age-inappropriate content, online predators and scams to better protect themselves.

### Be safe with your kids

It's crucial to first teach children the skills to navigate the online world safely by teaching them how to spot inappropriate behaviour.

Here, clear guidelines and parental controls can help establish clear rules for internet use whether at home or outside.

Guardians can also set up parental controls on their family device and on applications to limit access to inappropriate content, enforce time limits and prevent children from sharing personal information without parental consent.

Open communication between parents and children will be key here. Children may not know they are being exploited and MCMC recommends parents to create a safe and non-judgmental environment where they feel comfortable sharing any incidents they may encounter while using the Internet. Building on this trust allows parents to intervene if and when necessary.

If you are a household with shared devices, you can monitor your child's online activities without invading their privacy. Guardians can keep an eye on what websites they visit, the apps they use and their social media interactions to identify any potential risks early on.

MCMC also recommends teaching children values such as respecting others' privacy, being mindful of their online reputation and understanding the consequences of their online actions.

It's important that children are empowered in this case so they are aware of any inappropriate behaviours and know what steps to take to protect themselves when they encounter such behaviours. Encourage them to think critically, question information sources and be mindful of the content they share online.

Remember that safeguarding children from online harm necessitates a collective effort on the part of parents and guardians, educators and society.



| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FREE BUS RIDES IN THREE STATES | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 16 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Free bus rides in three states

## OKU, students and seniors in Negri, Perak and Johor to benefit from myBAS

By **SARBAN SINGH**
sarbans@thestar.com.my

**SEREMBAN:** Individuals with special needs, students and senior citizens in three states can now travel for free on the myBAS stage bus service, says Anthony Loke.

The Transport Minister said special needs individuals registered with the Welfare Department, students aged between seven and 17, and those aged above 60 can now apply for the myBAS-Konsesi card which will allow them to travel for free on 58 routes in Negri Sembilan, Perak and Johor. The move is also to encourage more people to use the public transport service.

"This is another initiative by the ministry under the Stage Bus Service Transformation programme to help reduce the people's cost of living. Those eligible will only have to bring their MyKad, MyKid or MyTentera identification document or the OKU card issued by the Welfare Department when applying from today (yesterday)," he told reporters after launching the card at the Terminal One bus station here yesterday.

Those who wish to apply for the pass in Negri Sembilan can do so at the Terminal One Station here, Nilai Sentral and the bus stations in Bahau, Tampin and Port Dickson.

In Ipoh, they can go to the Medan Kidd Station while in Johor, it is available at the KSL City Mall, TF Value Mart in Nusa Bestari, Senai International Airport, Customs, Immigration and Quarantine Complex, and the Gelang Patah and Kulai bus terminals.

Children below the age of six need not apply as they can travel for free. Loke said those successful will have to renew their card annually and no fee will be charged.

"We will expand these free rides initiative for the targeted groups in other states in stages," he said, adding that the service is also available in Perlis and Terengganu.

Loke said all those eligible can apply and there is no limit set to this, because based on statistics in the three states, the number of people from these groups currently using the service is not high. Asked whether the government will incur additional cost for this initiative, Loke said it will not.

"We are already paying a fixed cost to the operators based on their service and routes covered irrespective of the number of passengers they carry," he said.

Loke said his ministry is also looking at the Seremban-Kuala Lumpur-Seremban express bus service following complaints from commuters.

"We have issued permits to seven operators to service the route but now we have only two and sometimes just one company operating in a day.

"I have discussed this with the Land Public Transport Agency and we are prepared to give out more permits to ensure those travelling between the two points daily are not affected," he said.



**Making her day:** OKU Hamidah Syukur, 58, is thrilled after getting a free myBASKonsesi card during its launch at the Terminal One bus station in Seremban. — Bernama